

JABATAN BOMBA MALAYSIA

PERINTAH TETAP OPERASI : BIL. 5/80

PERKARA : PERSEDIAAN MELAWAN KEBAKARAN
BAGI BANGUNAN TINGGI.

BERKUATKUASA : 8HB. DISEMBER, 1980

1. Tujuan Perintah Tetap Ini:

Menyediakan diri bagi memudahkan operasi melawan, mengawal perebakan api dan menyelamatkan semasa kebakaran di bangunan-bangunan tinggi.

2. Definisi Bangunan Tinggi

Bangunan melebihi lima (5) tingkat atau 60 kaki tinggi dikira daripada tingkat bawah sesuatu bangunan ditafsirkan sebagai bangunan tinggi. Tingkat bawah bererti tingkat di mana orang-orang ramai boleh melepaskan diri ke tempat lapang (ground level) atau peringkat mana kereta bomba boleh sampai.

3. Kehendak-kehendak Perintah Tetap ini:

Kehendak-kehendak perintah tetap ini dibahagikan kepada empat (4) bahagian.

- 3.1. Mengujudkan pasukan pemeriksa bangunan-bangunan tinggi dan menentukan tugas-tugas mereka.
- 3.2. Kontigensi plan dan tugas-tugas pegawai kanan.
- 3.3. Peraturan melawan kebakaran.
- 3.4. Kawad kecemasan bagi Bomba dan penghuni-penghuni bangunan.

4. Mengujudkan Pasukan Pemeriksa dan tugas-tugas pasukan:

- 4.1. Pengarah Bomba Negeri/Wilayah hendaklah mengujudkan satu atau beberapa pasukan khas untuk memeriksa semua bangunan tinggi di dalam bandar-bandar yang berkenaan.
- 4.2. Tiap-tiap satu pasukan ini terdiri daripada seorang pegawai dan dua orang anggota. Bagi bandar besar seperti Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan mungkin lebih daripada satu pasukan diperlukan.
- 4.3. Pegawai-pegawai dan anggota-anggota yang dipilih ialah pegawai dan anggota-anggota daripada operasi juga, semasa anggota-anggota lain bekerja di dalam balai, mereka pergi melawat bangunan-bangunan tinggi. Mereka adalah dikehendaki pergi melawan kebakaran seperti anggota-anggota bomba operasi lain juga.
- 4.4. Tugas-tugas mereka semasa membuat pemeriksaan bangunan tinggi ialah:-

SALINAN TERKAWAL

- 4.4.1. Menentukan butir-butir yang ada di dalam "check list" yang disediakan dan butir-butir di dalam "Kad Gerakan Bomba".
- 4.4.2. Membuat perhubungan dengan pegawai keselamatan dan pengurus bangunan yang berkenaan bagi mengatur latihan dan kawad.
- 4.4.3. Mengemukakan syor-syor kepada pegawai keselamatan dan pengurus berkaitan dengan keperluan-keperluan melawan kebakaran dan menyelamatkan dan ujian-ujian alatan yang ada di dalam bangunan.
- 4.4.4. "Check List" untuk kegunaan pegawai keselamatan atau pengurus bangunan disediakan supaya pihak bangunan itu juga bertanggungjawab bagi memeriksa alat-alat perkakas dan menentukan keadaan bangunan mereka di dalam keadaan baik setiap hari.
- 4.4.5. Tiap-tiap bangunan tinggi hendaklah diperiksa oleh pasukan pemeriksa Bomba sekurang-kurangnya sekali dalam 6 bulan dan bagi bangunan-bangunan dianggap lebih bahaya, pemeriksaan lebih kerap lagi perlu diadakan.
- 4.4.6. Menyediakan laporan untuk Pengarah Bomba dan Pengurus bangunan selepas lawatan (Pengarah Bomba Negeri/ Wilayah hendaklah ambil perhatian yang teliti dan bertanggungjawab terhadap kehendak-kehendak yang disyorkan.
- 4.4.7. Mencadangkan syor-syor kepada Pengarah dan pegawai-pegawai kanan tentang kemudahan-kemudahan menyelamatkan, "entry point", bekalan air, tempat-tempat bahaya seperti lejuapan, tindakan-tindakan yang mungkin berguna dilakukan di kala kebakaran.
- 4.4.8. Memberi penerangan kepada anggota-anggota lain semasa kawad atau ceramah dalam balai mengenai kedudukan satu-satu bangunan tinggi yang mereka periksa supaya tiap-tiap anggota dan pegawai tahu akan kedudukan dan bertindak dengan baik di kala kebakaran.

5. Kontigensi Planning (Pelan persediaan Diri sebelum kebakaran)

- 5.1. Pengurus-pengurus bangunan yang berkenaan dikehendaki menyediakan satu buku khas untuk bomba di dalam mana menunjukkan reka bentuk bangunan, rajah lantai tiap-tiap tingkat bangunan tersebut. Pelan-pelan yang dimaksudkan hendaklah dikecilkan ke saiz yang seduai bagi disimpan di bilik Kawalan Bomba yang berhampiran bagi kemudahan rujukan.

Tempat-tempat penting seperti berikut hendaklah ditanda dengan tulisan dan warna tertentu seperti berikut:-

	<u>Warna</u>	<u>Tanda Cop Rubber Stamp mereka</u>
5.1.1. Semua tangga	Biru	7
5.1.2. Koridor terkawal	Hijau	(KOR DOR)
5.1.3. Fire Alarm Points	Merah	FA (X)
5.1.4. Lift Bomba	Biru	LB
5.1.5. Sprinkler Isolation Valve	Kuning	S.V
5.1.6. Bilik Motor Hawa Dingin	Purple	A.C
5.1.7. Hose Reel	Hitam	H.R
5.1.8. Alat Api	-	A.P.A
5.1.9. Bilik Besar Suis Ietrik	Merah	B.S.L
5.1.10. Dry Riser Inlet	Kuning	D.R.I
5.1.11. Wet Riser Inlet	Kuning	W.R.I
5.1.12. Injab Sprinkler	Kuning	I.S
5.1.13. Tempat-tempat seperti dapur dan tempat bahaya	Oren	B
5.1.14. Pili Bomba	Kuning	H
5.1.15. Bekalan Air Terbuka	Kuning	AIR
5.1.16. Bekalan pam	Kuning	BP
5.1.17. Bilik Halon Sistem CO2 dan lain-lain sistem tetap.	Merah	HALON / CO2

5.2. Pengurus Bangunan dikehendaki mempamirkan dengan baik (dalam kotak kaca) rajah-rajah penting bagi bangunan itu di lobi bahagian bawah bangunan umpamanya dekat dry riser inlet. Rajah itu menunjukkan lebih kurang kehendak-kehendak tersebut seperti di 5.1. di atas.

5.3. Pengurus bangunan juga mengadakan buku yang sama di bilik kawalan bangunan itu.

5.4. Pengurus bangunan juga dikehendaki mempamirkan gambar-gambar rajah tiap-tiap lantai di tiap-tiap lobi yang berkenaan menunjukkan tangga, alat pemadam api dan lain-lain seperti di para 5.1.

6. Persatuan Melawan Kebakaran

- 6.1. Bila ada satu-satu panggilan kebakaran di bangunan tinggi, hendaklah menghantar lima buah kereta bomba serentak daripada balai-balai yang paling berhampiran. Kereta-kereta itu hendaklah terdiri daripada 3 water tender, satu emergency rescue tender dan satu Skylift/TTL/Snorkle.
- 6.2. Pegawai yang mengetuai hendaklah menganggarkan dengan segera samada operasi itu memerlukan banyak lagi kereta-kereta bomba dan tenaga dan terus memberitahu Bilik kawalan tanpa berlengah. Bantuan boleh diperolehi daripada bomba-bomba yang berhampiran tidak kira daripada bomba Negeri atau Wilayah.
- 6.3. TUDM atau syarikat-syarikat penerbangan diberitahu untuk bersedia memberi bantuan.
- 6.4. Di dalam operasi kebakaran bangunan-bangunan tinggi, pasukan penyelamat, pasukan melawan kebakaran dan pasukan kawalan lobi hendaklah ditentukan, Melawan, penyelamat dan perhubungan hendaklah dijalankan serentak. Peraturan-peraturan berikut boleh diikuti:-
 - 6.4.1. Tiap-tiap pasukan mengandungi 3 orang termasuk K/A/B atau P/B II.
 - 6.4.2. Tiga orang daripada kereta pertama dan tiga lagi daripada kereta bomba kedua akan menjalankan khas kerja-kerja penyelamat. Mereka ini diketuai oleh seorang pegawai daripada kereta yang pertama, mereka hendaklah pergi ke tingkat mana mangsa terperangkap atau disyaki terperangkap dan juga ke tingkat atas, mereka hendaklah membawa tali, davy escape, alat pemotong, memakai alat pernafasan, memakai pakaian tahan api yang lengkap, alat-alat rapling, safety bells, lampu picit, dan pegawai juga membawa "walkie talkie".
 - 6.4.3. Pemandu hendaklah mendapat air daripada pili bomba atau air terbuka untuk dry atau wet riser. Tentukan bekalan air cukup. Bekalan air hanya diberi apabila menerima arahan daripada pegawai yang mengetuai operasi melawan kebakaran di tingkat yang berkenaan.
 - 6.4.4. 3 pasukan melawan kebakaran (fire team) hendaklah serta merta pergi ke dalam bangunan dengan membawa hos dan nozel untuk disambung ke injab dry/wet riser. Hendaklah memakai alat pernafasan. Tiap-tiap pasukan mengandungi 3 orang termasuk seorang K/A/B. Ketiga-tiga pasukan ini akan diketuai oleh seorang P/B II atau P/B I. Boleh menggunakan beberapa tangga bangunan untuk melawan kebakaran.
 - 6.4.5. Dua pasukan melawan kebakaran di tingkat yang terlibat dan satu pasukan pergi ke tingkat atas daripada tingkat yang terlibat untuk mengawal perebakkan di situ. Ini hanya boleh dilakukan bila satu lantai sahaja yang terlibat. Jika beberapa lantai telah terlibat terpulang kepada budibicara pegawai kanan yang hadir.

- 5.5. Bagi Hotel, pelan ringkas menunjukkan arah tangga yang selamat dipamirkan di tiap-tiap bilik dan beserta dengan rangka kasar di dalam cara-cara mengosongkan bangunan.
- 5.6. Pengarah Bomba, pegawai dan pemandu mesti mengetahui dan menentukan:-
 - 5.6.1. Tempat letak kereta-kereta seperti Water Tender, TTL, Sky-Lift, Emergency Rescue Tender, di tempat yang sesuai dengan letak pili bomba, open water supply, keluasan jalan dan lain-lain jalan ke-tempat yang berkenaan perlu tentukan supaya jika boleh, mengelakkan kesesakan jalanraya.
 - 5.6.2. Semua Pegawai dan anggota tahu tempat masuk (tangga bangunan), inlet valve bagi dry/wet riser, tempat yang boleh digunakan buat rehat dalam bangunan (ventilation lobby) tempat di mana tali atau tangga dan pinu boleh digunakan, samada bangunan berhampiran boleh digunakan untuk melawan kebakaran, bekalan-bekalan air, tempat kemungkinan yang boleh dilakukan di dalam berbagai situasi kebakaran di bangunan itu.
 - 5.6.3. Tahu di mana mangsa-mangsa mungkin berkumpul untuk diselamatkan.
 - 5.6.4. Pegawai-pegawai kanan memberi ceramah dan berbincang dengan anggota-anggota tentang operasi di-satu-satu bangunan tinggi dari masa ke semasa, supaya tiap-tiap anggota tahu "role" atau peranan masing-masing di dalam kebakaran.
 - 5.6.5. Menentukan tempat berkumpul dan tempat melapurkan diri (Control centre).
- 5.7. Alat Perkakas yang hendak disediakan ialah:-
 - 5.7.1. Tali penyelamat
 - 5.7.2. Tangga tali (Pengurus bangunan boleh juga di nasihatkan mengadakan sendiri).
 - 5.7.3. Lampu picit - 5 buah
 - 5.7.4. Alat pernafasan yang cukup (sekurang-kurangnya 20 set dan tabong-tabong spare 20)
 - 5.7.5. Jentera mengisi angin lobang alat pernafasan.
 - 5.7.6. Walkie talkie sekurang-kurangnya 3 set.
 - 5.7.7. Alat pemotong - gergaji, kapak, crow bar.
 - 5.7.8. Alat-alat rapling
 - 5.7.9. Alat-alat pembesar suara.
 - 5.7.10. Tali pinggang penyelamat.

6.4.6. Dua pasukan lagi dinamakan Pasukan Lobi (Lobby team) akan membuat kerja-kerja "evacuation" dan "communication" diantara tempat kebakaran lobi dan pusat kawalan. Mereka hendaklah berada di berbagai tempat; iaitu:-

- (a) Dua orang di lobi tempat kebakaran untuk meminta bantuan-bantuan diperlukan;
- (b) Dua di ruangan tangga membuat dan mengatur "evacuation" memecah untuk "ventilation" dan sebagainya;
- (c) Dua lagi mendaftar pegawai-pegawai dan anggota-anggota yang memasuki bangunan serta membuat perhubungan-perhubungan dan membawa dan mendapatkan alat-alat yang diperlukan di tempat kebakaran dan bekalan air.

6.4.7. Satu pasukan lagi boleh menggunakan TTL/Snorkel atau Skylift daripada luar. Tetapi jika kerja ini tidak diperlukan maka mereka bolehlah bersedia menggantikan anggota-anggota melawan kebakaran atau jika perlu menambah pancutan air di tempat yang terlibat atau mengawal tempat yang belum terlibat.

6.4.8. Pusat Kawalan hendaklah ditubuhkan dan anggota-anggota dan pegawai-pegawai yang baru datang ke situ hendaklah melaporkan diri di Pusat itu. Pusat ini boleh dikendalikan oleh salah seorang daripada "Lobby Team" Penggantian-penggantian anggota-anggota dan pegawai-pegawai yang bertugas di atas dibuat dalam tempoh 30 minit jika perlu.

7. Kawad-kawad Kecemasan

- 7.1. Kawad-kawad di bangunan tinggi diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam 6 bulan.
- 7.2. Semua pegawai dan anggota daripada balai-balai dalam kawasan itu hendaklah mengetahui semua aspek bangunan.
- 7.3. Kawad-kawad itu ialah kawad "full evacuation" iaitu semua orang dalam bangunan itu mesti ambil bahagian.
- 7.4. Kelemahan-kelemahan dalam kawad itu dan rundingan untuk perhatian umum. Laporan kawad diadakan untuk rekod dan satu salinan untuk Ketua Pengarah, Ibu Pejabat, Kuala Lumpur.
- 7.5. Peraturan-peraturan kawad diadakan.

8. Pasukan Menyelamat

- 8.1. Pegawai-pegawai Pusat Latihan Bomba telah mengajar beberapa anggota dan pegawai dalam cara-cara menyelamatkan menggunakan tali rapling. Pengarah-pengarah mesti ambil peluang menubuhkan Pasukan Penyelamat Khas dan memberi latihan-latihan khas untuk mereka.
9. Pengarah Pencegah Kebakaran dikehendaki menghantar satu salinan pelan bangunan tinggi ke balai yang berhampiran setelah satu-satu bangunan itu diberi sokongan surat menduduki bangunan.